

# Malam Seni & Puisi Islami NUMERA

**Majlis** Seni Islam: Malam Seni & Puisi Islami Numera anjuran Nusantara Melayu Raya (NUMERA) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) akan diadakan di Masjid Abdul Rahman Bin Auf, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, pada 28 dan 29 November ini.

Setiausaha Agung NUMERA Malaysia, Umar Uzair berkata, antara deklamator yang akan terbabit pada majlis itu ialah Sasterawan Negara (SN) Ke-11, Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah; Datuk Mior Kamarul Shahid, Prof Dr Irwan Abu Bakar dan Abdul Ghaffar Ibrahim.

Tidak ketinggalan majlis itu akan turut diserikan Prof Madya Arbak Othman, Zubaidah Djohar, Sattrry Bakry, Prof Madya Dr Abdul Halim Ali, Mokhtar Yasin, Dr Ibrahim Ghaffar, Nik Rakib dan penuair dari Singapura, Djamal Tukiman.

“Artis yang akan mengambil bahagian pula ialah Safiyah, Umar Uzair, Grup Lagu Puisi (GLP) dan TALENTA. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin dijangka merasmikan acara terbabit,” katanya.